



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KITA GEMPUR: MENYANTUNI PELAKSANAAN PROGRAM COMMUNITY DRUMMING DI PASIR RAJA, DUNGUN, TERENGGANU

DUNGUN, 15 NOVEMBER 2024 – Hari ni saya telah turun padang dalam operasi KITA GEMPUR di Negeri Terengganu melalui tinjauan ke Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* di Pasir Raja Dungun, Terengganu.

Program ini melibatkan pemberian subsidi kerajaan melalui pelantikan syarikat-syarikat *transporter* yang memberikan perkhidmatan mengangkut barang-barang perlu dan kawalan yang terpilih daripada pusat/sumber bekalan (*point of source*) kepada pusat penjualan (*point of sale*) di kawasan pedalaman.

Objektif program ini adalah untuk memastikan para penduduk di kawasan pedalaman terpilih mempunyai akses kepada sejumlah barangan perlu khususnya barangan kawalan pada harga yang sama yang dinikmati oleh para penduduk di kawasan lain. Pada masa yang sama, program ini juga dapat membantu mewujudkan kestabilan bekalan barang perlu dan kawalan di kawasan pedalaman.

Melalui program ini, kos pengangkutan barangan ke kawasan pedalaman terpilih dibiayai oleh Kerajaan. Tujuh jenis barangan yang terlibat dalam program ini ialah beras putih, gula putih bertapis kasar, tepung gandum, minyak masak paket, gas petroleum cecair LPG (tong gas memasak), petrol RON95 dan diesel.

Bagi tahun 2024, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM225 juta untuk pelaksanaan program ini yang melibatkan enam negeri iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Kedah.

PELAKSANAAN DI NEGERI TERENGGANU

Program Penyeragaman Harga bagi Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming di Terengganu meliputi tiga (3) zon iaitu Pulau Redang, Kuala Nerus, Pulau Perhentian, Besut dan Pasir Raja, Dungun yang melibatkan bilangan sebanyak tiga (3) kawasan pengedaran serta 11 *Point of Sales* (POS) dengan peruntukan sebanyak RM3.136 juta. Inisiatif ini telah memberi impak positif kepada lebih 13,100 populasi penduduk di kawasan yang terlibat.

Bagi Zon Pasir Raja, pelaksanaan Program Penyeragaman Harga ini telah berjaya memberi manfaat kepada lebih 3,000 penduduk setempat untuk memperoleh barangan perlu khususnya barangan kawalan. Pemilihan Pasir Raja sebagai zon pelaksanaan program ini adalah untuk memastikan penduduk di sini yang berada jauh di pedalaman dapat menikmati manfaat subsidi kerajaan dan dapat membeli barang kawalan dengan harga yang sama seperti di kawasan bandar. Penduduk di Zon Pasir Raja tidak lagi perlu keluar jauh dari kawasan tempat tinggal mereka untuk membeli barangan keperluan. Untuk makluman pemilihan lokasi program ini adalah melibatkan kawasan-kawasan yang jaraknya melebihi 15 kilometer dari pusat bekalan.

TAMBAHAN PERUNTUKAN 2025

Program Penyeragaman Harga bagi Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) adalah manifestasi keprihatinan Kerajaan MADANI untuk mengimbangi keperluan rakyat di samping meningkatkan lagi keberkesanan pemberian perkhidmatan dalam membantu meringankan beban kos sara hidup. Program ini diperkasakan lagi apabila Belanjawan MADANI 2025 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memperuntukkan sebanyak 250 juta bagi program ini iaitu penambahan sebanyak 25 juta berbanding peruntukan 225 juta pada tahun 2024.

Pelaksanaan Program Penyeragaman Harga bagi Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming ini juga adalah sebahagian daripada inisiatif KITA GEMPUR yang telah dilancarkan oleh KPDN dalam usaha untuk membanteras isu manipulasi dalam aktiviti perniagaan dan ketirisan yang melibatkan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi.

STATISTIK KITA GEMPUR

Berdasarkan statistik penguatkuasaan OPS TIRIS 3.0 bermula 1 Januari 2024 hingga 13 November 2024, sebanyak 38,047 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negara. Daripada jumlah itu, sebanyak 2,466 kes telah dihasilkan dengan jumlah nilai rampasan keseluruhan sebanyak RM86.57 juta. Selain itu, sebanyak 598 orang individu telah ditangkap sepanjang tempoh pelaksanaan OPS TIRIS 3.0 ini melibatkan warga tempatan, warga asing dan pemastautin tetap.

YB SENATOR DR. FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###